

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 5
RUANGAN : LOKAL

Harian Metro | Isnin 12.08.2024

@hmetromy f HarianMetro t @hmetromy www.hmetro.com.my

5

lokal

Oleh Mohd Jamilul
Anbia Md Denin
anbia@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Mampu raih keuntungan mencecah lima angka sebulan melalui profesion sebagai doktor gigi palsu. Penda-patan lumayan ini antara punca masih ramai individu dan golongan muda cuba berjinak-jinak dalam kerjaya haram ini.

Walaupun ramai individu sudah diberkas dan di-hadapkan ke mahkamah namun Cawangan Kawalan Amalan Perubatan Swasta, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) masih mengesan wujudnya doktor gigi haram menawarkan khidmat melalui laman media sosial.

Rata-rata golongan ini memperoleh kemahiran dan 'tauliah' hasil menyertai kursus jangka pendek ditawarkan individu tertentu yang mengenakan bayaran sekitar RM5,000 bagi menjalani kursus rawatan braces, sarung gigi (*veneer*), pemutihan gigi dan pelbagai kaedah rawatan lain.

Sumber Cawangan Kawalan Amalan Perubatan Swasta KKM berkata, pihaknya meneruskan usaha mengesan individu ini yang bergiat aktif sama ada di rumah, salon kecantikan atau khidmat bergerak di hotel.

Menurutnya, langkah berterusan sentiasa diambil bagi melumpuhkan kegiatan doktor gigi haram ini yang dikesan turut didalangi oleh warga asing.

"Tindakan tegas itu dibuktikan apabila seorang wanita yang menawarkan perkhidmatan sebagai doktor gigi tanpa tauliah di rumah dijatuhi hukuman denda RM85,000 atau 2 tahun penjara oleh mahkamah.

"Tertuduh, Rezkiputri Akmal Riplis, 31, dijatuhi hukuman itu oleh hakim Rasyidah Ghazali selepas pendakwaan dilakukan di



ANTARA alatan rawatan pergigian yang dirampas.

KERJAYA DOKTOR GIGI HARAM

Kursus RM5,000 terus ada tauliah



PEGAWAI penguat kuasa pergigian dari Cawangan Perundangan dan Penguatkuasaan Program Kesihatan Pergigian dan Bahagian Kesihatan Pergigian, Jabatan Kesihatan Negeri Selangor melakukan pemeriksaan terhadap premis dijadikan klinik gigi haram di Shah Alam.

Mahkamah Sesyen 8, Shah Alam, Selangor," katanya.

Tertuduh dijatuhi hukuman selepas didapati bersalah terhadap pertuduhan di bawah Seksyen 62 (1) Akta Pergigian 2018 iaitu menjalankan amalan pergigian tanpa berdaftar di bawah Akta ini yang membawa hukuman denda RM45,000 atau penjara 12 bulan jika gagal membayar denda dikenakan.

Tertuduh turut dijatuhi hukuman denda RM40,000 atau 12 bulan penjara selepas disabitkan bersalah mengikut Seksyen 63(1)(d) Akta sama iaitu menggunakan kerusi pergigian untuk mendorong mana-mana orang untuk memper-caya bahawa dia berkelayakan untuk menjalankan amalan pergigian.

Berdasarkan fakta kes,

sesesukan pegawai pergigian penguat kuasa pergigian dari Cawangan Perundangan dan Penguatkuasaan Program Kesihatan Pergigian dan Bahagian Kesihatan Pergigian, Jabatan Kesihatan Negeri Selangor diketuai Dr Izwan Abd Hamid melakukan pemeriksaan mengejut di sebuah premis di USJ, Subang Jaya, Selangor pada jam 11.40 pagi, 13 Disember lalu.

Tindakan diambil susulan maklumat terdapat pengamal yang menjalankan amalan pergigian tanpa berdaftar dengan Majlis Pergigian Malaysia di premis itu.

Ketika serbuan dijalankan terdapat seorang wanita sedang menjalankan rawatan pergigian ke atas seorang pelanggan lelaki yang sedang baring di atas

RM85k

Nilai denda yang boleh dikenakan kepada individu bersalah

kerusi pergigian di premis itu.

Terdapat peralatan dan bahan pergigian yang dipercayai digunakan bagi menjalankan rawatan pergigian *scaling* dan *braces* di bilik berkenaan.

Tertuduh gagal menunjukkan Perakuan Pendaftaran dengan Majlis Pergigian Malaysia dan Perakuan Pengamalan Tahunan.

Siasatan lanjut dengan Cawangan Kawalan Amalan Perubatan Swasta, Bahagian Amalan Perubatan, Kementerian Kesihatan Malaysia mendapati premis bukanlah sebuah klinik pergigian swasta yang berdaftar dengan Kementerian Kesihatan Malaysia.

Susulan itu tertuduh didapati melanggar Seksyen 62(1) Akta Pergigian 2018 dan jika sabit kesalahan boleh dihukum mengikut Seksyen 62(3). Tertuduh juga melanggar Seksyen 63(1)(d) Akta Pergigian 2018 dan jika sabit kesalahan boleh dihukum mengikut Seksyen 63(2) Akta yang sama.

Pendakwaan dilakukan pegawai pendakwa Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) Musfirah Musa.

Jun lalu seorang wanita, Nurul Maisarah Mazelan, 30, turut dikenakan denda RM30,000 oleh Mahkamah Sesyen Petaling Jaya, Selangor, kerana menyediakan khidmat klinik pergigian swasta di sebuah rumah tanpa pendaftaranan di Majlis Pergigian Malaysia (MPM).

Mengikut pertuduhan, dia didakwa menjalankan amalan pergigian tanpa berdaftar di bawah Akta Pergigian 2018 di sebuah rumah dua tingkat di Taman Desiran Bayu, Puchong di sini pada jam 2.52 petang, 7 Jun lalu.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 10
RUANGAN : NEGARA



Kata Editor

Oleh SITI KAMILAH MUSTAPHA
PENGARANG BERITA

'Pandai dik duduk hospital jadi doktor'

MINGGU lepas kita digemparkan berita seorang remaja berusia 14 tahun menyamar sebagai doktor di hospital kerajaan di Serdang.

Hebat remaja ini, kalau dia bersekolah dia di tingkatan 2, anak penulis pun tingkatan 2, tidak mungkin dia akan terlepas 'jadi doktor' di usia itu. Malangnya remaja itu sudah tidak bersekolah lagi.

Remaja itu menurut polis ada 'gangguan fikiran' kerana melakukan penyamaran di Hospital Sultan Idris Shah (HSIS), Serdang itu tanpa sebarang motif.

Menurut laporan Kosmo!, dia menggunakan identiti ibunya untuk berada di HSIS selama seminggu (sumber menyebut dua bulan) dan terkantoi penyamaran itu apabila mahu ke bilik pembedahan bagi membantu doktor pakar.

Tinggi betul keyakinan remaja ini, ada sumber menyebut dia sempat ambil darah pesakit, membuat tempahan ubat dan mengarahkan pesakit untuk imbasan sinar X sepanjang berada di situ.

Nasib baik tidak berlaku sebarang kecelakaan kepada kepada pesakit sepanjang 'dirawat' oleh doktor remaja itu.

Persoalan yang bermain di fikiran ramai orang termasuk media adalah, macam mana remaja di usia 14 tahun itu boleh yakin berada dalam kelompok kakitangan perubatan di hospital tanpa janggal.

Dia boleh memiliki pakaian kakitangan hospital (baju skrub) sendiri sama ada dia membeli dalam talian atau mengambil dalam simpanan hospital itu perlu disiasat polis.

Sudah tentu dia boleh menyebut terma-terma hospital seperti 'attachment', ubat-ubatan dan sebagainya ketika berurusan dengan pesakit dan bercakap dengan doktor lain sepanjang berada di situ.

Macam mana di usia begitu dia boleh melakukan semua itu tanpa motif tertentu selain daripada minat. Banyak persoalan perlu dirungkal.

Difahamkan remaja itu turut melakukan rondaan pesakit di wad berkenaan setiap pagi.

Sama ada dia terlalu minat dengan bidang kedokteran atau gemar menonton drama *Grey's Anatomy*, *Dr. House* atau *The Good Doctor* termasuk drama Korea, *Doctor Slump* perlu dijawab oleh pihak berkenaan.

Hanya polis boleh merungkalkan perkara itu kepada kejadian yang tidak pernah berlaku ini, menyamar jadi doktor tanpa niat untuk memudaratkan pesakit.

Sepatutnya dik, awak perlu pergi ke sekolah belajar bersungguh-sungguh sehingga berjaya menjadi doktor perubatan.

Apa yang lebih membimbangkan adalah kelonggaran di hospital kerajaan sampaikan remaja itu boleh berada di hospital berlagak 'doktor'.

Ada komen di media sosial menyatakan susahny pelawat berjumpa pesakit jika bukan waktu melawat kerana kawalan keselamatan yang ketat tetapi doktor menyamar boleh lepas begitu sahaja.

Sudah tentu ada 'kekurangan' di situ, mana Menteri Kesihatan, mana Pengarah HSIS, setakat ini tiada yang buka mulut selain hanya kenyataan akhbar daripada Kementerian Kesihatan sahaja.

Tolonglah jangan tutup mata, isu ini sangat besar, remaja lolos jadi doktor sangat memalukan.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 11
RUANGAN : NEGARA

Kosmo! ISNIN 12 OGOS 2024

Negara! 11



Luahan Pembaca

Pembaca boleh menghantar aduan, cadangan dan pendapat mengenai pelbagai isu ke komunitikosmo@mediamulia.com.my



019-990 0761

Biar minuman kurang manis, asalkan tidak kena diabetes

SAUDARA PENGARANG,

SAYA ingin mengulas tentang keputusan untuk mengurangkan pengambilan gula dalam makanan bagi semua acara kerajaan sebanyak 50 peratus susulan penyakit diabetes yang semakin meningkat dalam kalangan rakyat.

Sebenarnya, cara atau sukatan penggunaan gula sihat sudah lama dipamerkan di klinik dan hospital, namun akibat ketagihan melampau dalam kalangan rakyat, nasihat tersebut tidak diamalkan dalam kehidupan harian.

Umumnya, penggunaan

gula boleh dikurangkan, namun perlu mengambil masa memandangkan bahan tersebut biasanya digunakan dalam kuantiti yang banyak dalam makanan tradisi seperti kuih-muih dan minuman.

Selain gula, penggunaan santan kelapa segar dalam masakan seperti rendang daging juga boleh memudaratkan kesihatan.

Selain itu, kewujudan jus minuman seperti buah-buahan, perisa berkarbonat dan perasa tiruan, pengambilannya juga perlu dikawal kerana kadar gulanya yang terlalu tinggi. Untuk menyahut seruan

kerajaan ini, pengusaha kedai makanan disarankan supaya mengurangkan penggunaan gula secara beransur-ansur di premis masing-masing.

Tindakan ini bukanlah hendak menyekat selera pembeli, tetapi yang lebih penting adalah untuk menjaga kesihatan.

Selain itu, rakyat juga perlu mengamalkan gaya hidup sihat bagi mengurangkan berat badan selain menjauhi daripada sebarang serangan penyakit berkaitan.

HIDUP SEDERHANA,
Temerloh, Pahang



RAKYAT perlu mengurangkan pengambilan gula terutamanya dalam minuman.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 14
RUANGAN : NEGARA

14 **Negara!**

Kosmo! ISNIN 12 OGOS 2024



ORANG ramai dinasihatkan supaya kerap minum air dan elak terdedah di luar ketika cuaca panas ketika ini. – GAMBAR HIASAN



PESERTA fun run atau maraton mudah terkena serangan strok haba kerana terdedah terlalu lama ketika cuaca panas. – GAMBAR HIASAN

Hospital terima peningkatan pesakit ketika cuaca panas

Strok haba ancam pelari maraton

Oleh NUR ALWANI
ZAFIRAH KHAIRUL

PETALING JAYA – Mereka yang terdedah kepada cuaca panas ketika melakukan aktiviti fizikal seperti fun run atau maraton ketika ini boleh diserang strok haba yang akan merosakkan sistem organ dalaman sekiranya tidak ditangani segera.

Pakar Perunding Kecemasan Hospital Putrajaya, Dr. Noorzilawati Ahmad berkata, situasi itu agak merisaukan kerana ada sahaja kes berkaitan cuaca panas terutamanya strok haba dilaporkan setiap minggu.

Katanya, kes berkaitan haba berlaku sehingga 0.3 peratus daripada jumlah keseluruhan pesakit yang datang ke jabatan kecemasan.

"Hampir 20 kes berkaitan cuaca panas dan lima daripadanya strok haba teruk diterima sejak April hingga Julai. Bulan Mei sahaja ada tujuh dan ia merupakan peningkatan 30 peratus berbanding April.

"Strok haba berlaku apabila suhu badan mencecah 40.5 darjah Celsius terutamanya mereka yang menyertai aktiviti fizikal seperti fun run atau maraton yang banyak diadakan ketika ini.

Ia boleh mendedahkan peserta kepada bahaya," katanya kepada Kosmo!

Sebelum ini Jabatan Meteorologi memaklumkan cuaca panas serta kering sejak Mei dijangka berlarutan sehingga pertengahan September.

Menurut Noorzilawati, kesan cuaca panas melampau akan menyebabkan seseorang itu kerap berpeluh sekali gus mengurangkan cecair dalam badan. Orang tua, individu stres dan mereka yang mengalami penyakit tertentu lebih berisiko mengidapnya.

Tambahnya, jika tiada lang-

kah pencegahan, seseorang itu mudah letih, kurang bertenaga, lemah otot atau kekejangan.

"Lebih teruk ia mengakibatkan dehidrasi, kerosakan organ badan seperti buah pinggang, otak, jantung dan hati," katanya.

Sementara itu, Profesor Madya Perubatan Unit Kesihatan Awam, Jabatan Penjagaan Kesihatan Primer Universiti Sains Islam Malaysia, Dr. Mohd. Dzulkhairi Mohd. Rani memberitahu, 70 peratus kes strok haba boleh membawa maut.

"Mereka yang terkena akan pengsan pada peringkat awal selain koma dan tidak sedarkan

diri. Ia boleh menyebabkan individu berkenaan pengsan pada peringkat awal, selain koma dan tidak sedarkan diri terutama bagi golongan komorbid.

"Ia terjadi kerana kegagalan organ dalaman. Selain itu, strok haba boleh mengakibatkan penyakit bawaan makanan dan air seperti keracunan makanan, cirit-birit dan keletihan haba kerana dehidrasi," katanya.

"Selain itu, penyakit kulit seperti ruam haba juga kerap dilaporkan. Demam denggi juga lebih mudah dijangkiti kerana peningkatan populasi nyamuk pada musim panas," ujarnya.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 27
RUANGAN : NEGERI

Selangor paling tinggi kes denggi, 14 maut dalam tujuh bulan

SUBANG JAYA - Selangor mencatatkan kes denggi tertinggi di seluruh negara dengan 14 kematian sehingga Julai lalu pada tahun ini.

Menurut Exco Kesihatan Awam dan Alam Sekitar Selangor, Jamaliah Jamaluddin, berdasarkan laporan sehingga 28 Julai lalu, sebanyak 88,255 kes dilaporkan di seluruh negara dengan 45,325 kes direkodkan di negeri ini.

"Ia diikuti Johor sebanyak 9,566 kes manakala 8,059 kes dilaporkan di Kuala Lumpur dan Putrajaya.

"Perlis (186 kes), Terengganu (163 kes) dan Wilayah Persekutuan Labuan menjadi negeri terendah dengan 28 kes," katanya ketika Program Hari Tanpa Kenderaan dan Karnival Sihat Selangor Peringkat Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) di sini pada Ahad.

Hadir sama, Datuk Bandar Subang



Jamaliah (tengah) ketika menghadiri Program Hari Tanpa Kenderaan dan Karnival Sihat Selangor Peringkat MBSJ di Subang Jaya.

Jaya, Datuk Amirul Azizan Abdul Rahim.

Dalam pada itu, Jamaliah berkata, bilangan kes demam denggi di bawah pentadbiran MBSJ adalah 5,937 kes ber-

banding 4,577 kes bagi tempoh sama tahun lalu.

Jelasnya, kerajaan negeri melalui Jawatankuasa Tetap Kesihatan Awam

sudah menyalurkan peruntukan RM3.4 juta kepada sembilan pihak berkuasa tempatan (PBT) untuk membantu melaksanakan aktiviti pengawalan dan pencegahan.

"Kerajaan negeri sentiasa mengambil langkah proaktif dengan membincangkan isu denggi di peringkat daerah dan negeri dengan penglibatan pelbagai pihak melalui Mesyuarat Tindakan Denggi Peringkat Negeri dan Daerah yang dihadiri Pejabat Daerah dan Tanah, PBT, Pejabat Kesihatan Daerah dan Ahli Majlis," ujarnya.

Jamaliah berkata, bagi meningkatkan kesedaran komuniti mengenai kepentingan penggunaan penghalau dan semburan aerosol, pihak berkaitan ada melaksanakan aktiviti pencegahan denggi, pemusnahan tempat pembiakan aedes dan pendidikan berkaitan denggi.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES
MUKA SURAT : 8
RUANGAN : NEWS / NATION

ARRESTED

TEEN 'DOCTOR' SENT TO WELFARE DEPT

Girl, 14, had wanted to assist in a surgery at a hospital

AUSTIN CAMOENS
SEPANG
news@nst.com.my

THE 14-year-old girl who was arrested for impersonating a medical officer at Sultan Idris Shah Hospital in Serdang has been referred to the Sepang Welfare Department.

Selangor police chief Datuk Hussein Omar Khan yesterday said the authorities made the decision because the girl was a juvenile.

"She will be referred to the Sepang Welfare Department.

"We will complete the investigation paper and refer the case to the deputy public prosecutor for further action."

The teenager allegedly impersonated a hospital employee and gained access to an operating theatre.

Police received a report from a hospital employee on Aug 7, saying that a teenager had claimed to be a medical officer.

The teenager allegedly told this employee that she wanted to assist in a surgery.

It was reported that the teen would receive a psychiatric evaluation.

AKHBAR : THE STAR
MUKA SURAT : 5
RUANGAN : NATION

No happy ending for illegal pills

Ministry monitoring sale of unregistered sex stimulants

By RAGANANTHINI VETHASALAM
and TARRENCE TAN
newsdesk@thestar.com.my

PETALING JAYA: The Health Ministry has set up a cyber intelligence and forensic team to clamp-down the rampant online sale of illegal pharmaceutical items, including sexual stimulants.

The ministry said the team, which is under its Pharmaceutical Enforcement Division, keeps tabs on websites, social media and ecommerce platforms throughout the country. It also analyses seized devices.

"This team is also a focal point for the ministry to engage with Internet platform providers, such as Facebook and Google," said the ministry in a statement to *The Star*.

The ministry said it also conducts surveillance and intelligence operations to identify and raid premises involved in the illegal sale of medicines.

In addition, periodic compliance inspections are conducted on licensed premises, drug stores, sundry shops and night markets

to ensure compliance with enforced rules and regulations.

The ministry said the country's gateway, such as ports and airports, were also monitored as well as postal or courier packages.

It said those that contain such items would be seized by enforcement agencies.

A total of 527 types of sexual stimulants containing scheduled poisons and unregistered products as well as 11 digital devices, all worth about RM4.4mil, were seized under Ops Legacy 2.0 in Penang, Kedah and Johor on July 30.

The illegal products were seized through 24 raids, the largest operation held this year.

Aside from Ops Legacy 2.0, the ministry said 228 raids were conducted last year with items worth RM411,022 seized.

So far this year, 119 raids were held where items worth RM123,282 were seized.

"Unregistered sexual stimulant medicines have not been vetted by the ministry so its safety, quality and efficacy may not



be verified.

"It may cause side effects, such as sudden decrease or loss of hearing, low blood pressure, dizziness, loss of consciousness and even damage to the liver and kidneys," the ministry said when asked on the risk of taking unregistered sexual stimulants.

"Some patients experienced sudden loss of vision after taking stimulants.

"The vision loss was permanent in some cases. There have been reports of heart attack, stroke, irregular heartbeat, bleeding in the brain or lungs and high blood pressure," the ministry added.

It urged the public to check a

product's registration status on the National Pharmaceutical Regulatory Agency (NPRA) website before purchase.

"The public is advised to seek proper medical care from qualified healthcare professionals, and to obtain and use prescription medication as directed," it said.

It also encouraged the public to file a complaint on any suspicious medicines or cosmetics via the website <https://www.pharmacy.gov.my>, the Public Agency Complaint Management System (SisPAA) portal or at the nearest pharmacy enforcement branch.

The ministry said this is to ensure that appropriate action

could be taken to combat the sale of illegal products in the market.

The ministry has also held dialogue sessions with online platforms, sellers, pharmacists, doctors, ecommerce providers and consumers to address the issue.

Removing online public announcements and listing products containing poison, including sexual stimulants, are among the actions taken by the ministry.

"Awareness messages were distributed using conventional methods, such as exhibitions, lectures and roadside advertisements as well as through online channels and social media," it said.

Not so fast:

A warning from the Health Ministry's Pharmaceutical Enforcement Division against purchasing unregistered pharmaceuticals.
— YAP CHEE HONG/The Star

AKHBAR : THE STAR
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : NATION

Teen caught posing as doc referred to welfare dept

KUALA LUMPUR: A 14-year-old girl arrested for trespassing and impersonating a staff member at Hospital Sultan Idris Shah (HSIS) in Serdang last Thursday has been referred to the Sepang Social Welfare Department (JKM) for further action.

Selangor police chief Comm Datuk Hussein Omar Khan confirmed that the referral was made due to the girl's status as a minor.

"The teenager was referred to Sepang JKJ as of yesterday," he said, as reported by Bernama.

The girl was detained in the HSIS lobby on suspicion of posing as a medical officer and volunteering to assist with an operation.

Sepang OCPD Asst Comm Wan Kamarul Azran Wan Yusoff reportedly said the teenager, who was remanded for two days, was released on police bail last night.

He added that the investigation is ongoing, with the case file set to be submitted to the deputy public prosecutor for further review.

The investigation covers charges of trespassing and impersonating a public servant under Sections 448 and 170 of the Penal Code.